



KENYATAAN MEDIA

**Untuk Siaran Segera
19 Disember 2025**

PNB ISYTIHAR PENGAGIHAN PENDAPATAN 5.75 SEN BAGI TAHUN KEWANGAN 2025 UNTUK ASB, MENGEKALKAN REKOD PEMBAYARAN KEPADA PEMEGANG UNIT

Jumlah pembayaran sebanyak RM10.4 bilion yang akan memberi manfaat kepada 11.4 juta pemegang unit ASB merupakan jumlah pengagihan tahunan tertinggi yang dibayar sejak penubuhan ASB

- Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), iaitu Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), mengumumkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak **5.75 sen** seunit untuk dana utamanya, Amanah Saham Bumiputera (ASB), bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.
- Jumlah pembayaran sebanyak **RM10.4 bilion** akan memberi manfaat kepada **11.4 juta** pemegang unit ASB.
- Ini menjadikan jumlah kumulatif pengagihan pendapatan ASB sebanyak **RM206.7 bilion**, mencerminkan ketahanan dan kekuatan portfolio pelaburan ASB.
- ASB mengekalkan kadar pengagihan dividennya berbanding tahun 2024 dan terus memberikan pulangan mampan yang mengatasi pasaran apabila ia berjaya meningkatkan jurang daya saing berbanding penanda arasnya, iaitu kadar Deposit Tetap 12 Bulan Maybank, yang mencatatkan kadar purata **2.29%**, kepada **346** mata asas.
- Kami telah mencatatkan prestasi yang baik merentasi fokus utama, iaitu meningkatkan aliran masuk bersih pelanggan, menyampaikan pengagihan pendapatan yang mampan kepada pemegang unit, serta memperkukuh modal proprietari PNB. Ini telah menghasilkan peningkatan Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) sebanyak 4.5% kepada **RM364 bilion**.
- ASNB telah mengagihkan dividen berjumlah **RM15.3 bilion** pada tahun 2025, iaitu yang tertinggi pernah dicatat, menjadikan jumlah keseluruhan pengagihan sejak penubuhan mencecah **RM279 bilion**. Pencapaian ini mencerminkan trajektori prestasi yang positif dan konsisten merentasi semua 18 dana unit amanahnya.

Kuala Lumpur, 19 Disember 2025 – Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengumumkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak 5.75 sen seunit untuk dana utamanya, Amanah Saham Bumiputera (ASB), bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 (TK2025). Jumlah pembayaran keseluruhan adalah sebanyak RM10.4

bilion dan akan memberi manfaat kepada 11.4 juta pemegang unit ASB.

ASB mengekalkan kadar pengagihan dividennya berbanding tahun 2024 dan terus memberikan pulangan mampan yang mengatasi pasaran apabila ia berjaya meningkatkan jurang daya saing berbanding penanda arasnya, iaitu kadar Deposit Tetap 12 Bulan Maybank, yang mencatatkan kadar purata 2.29%, kepada 346 mata asas.

Prestasi pengagihan dividen yang kukuh dan berterusan ini dicapai dalam persekitaran pasaran ekuiti awam domestik yang mencabar, di mana FBM KLCI mencatat pulangan harga sebanyak -0.3% sehingga kini bagi tahun 2025. Pasaran ekuiti domestik terjejas oleh aliran keluar dana asing yang berterusan serta sentimen pelabur yang berhati-hati, meskipun prestasi asas ekonomi Malaysia kekal positif dengan pertumbuhan KDNK 2025 dijangka mencapai antara 4.0% hingga 4.8%, kemasukan pelaburan yang ketara serta pengukuhan nilai Ringgit Malaysia yang meningkat sebanyak 8.7% kepada RM4.09 bagi setiap USD1.

Pengerusi Kumpulan PNB, YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Selama lebih 46 tahun, PNB telah diamanahkan untuk melindungi simpanan hasil titik peluh rakyat. Kami berbesar hati dapat mengekalkan pengagihan dividen ASB sebanyak 5.75 sen, dengan jumlah pembayaran RM10.4 bilion, iaitu jumlah pengagihan tahunan tertinggi yang dibayar sejak penubuhan ASB. Ini menjadikan jumlah kumulatif pengagihan pendapatan ASB sebanyak RM206.7 bilion, mencerminkan ketahanan dan kekuatan portfolio pelaburan ASB."

"Kami menyedari cabaran yang lebih besar iaitu kekurangan simpanan dan keperluan untuk memupuk tabiat menabung yang lebih kukuh dalam kalangan rakyat Malaysia. Berikutan itu, kami merancang untuk mempergiatkan usaha literasi kewangan kami, berpandukan Matlamat kami untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi,"

tambah beliau.

Selain itu, ASNB telah mengagihkan dividen berjumlah RM15.3 bilion pada tahun 2025, iaitu yang tertinggi pernah dicatat, menjadikan jumlah keseluruhan pengagihan sejak penubuhan mencecah RM279 bilion. Pencapaian ini mencerminkan trajektori prestasi yang positif dan konsisten merentasi semua 18 dana unit amanahnya, termasuk ASB dan Amanah Saham Malaysia (ASM) bagi dana harga tetap, serta ASN *Equity*, ASN Imbang dan ASN Sara bagi dana harga berubah-ubah.

Kadar pengagihan bagi dana harga tetap ASNB meningkat tahun ke tahun, mengekalkan jurang yang sihat di atas purata penanda aras Deposit Tetap 12 Bulan, sekali gus memastikan pulangan yang kompetitif kepada pemegang unit. Pada masa yang sama, dana harga berubah-ubah ASNB terus menunjukkan prestasi kukuh, dengan kesemua dana mengatasi penanda aras masing-masing dan empat daripada jumlah 12 dana berada dalam kuartil teratas bagi segmen masing-masing, berdasarkan pulangan tiga tahun berturut-turut. Prestasi berdaya tahan ini didorong oleh portfolio pelaburan yang semakin dipelbagaikan, disokong oleh peruntukan aset yang berhemat, strategi pelaburan yang berdisiplin dan pengurusan risiko yang proaktif.

Dato' Abdul Rahman Ahmad, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, berkata, "Ketika kami memasuki tahun kedua pelaksanaan Pelan Strategik LEAP-6 PNB, kami telah mencatatkan prestasi yang baik merentasi fokus utama, iaitu meningkatkan aliran masuk bersih pelanggan, menyampaikan pengagihan pendapatan yang mampan kepada pemegang unit, serta memperkukuh modal proprietari PNB. Ini telah menghasilkan peningkatan Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) sebanyak 4.5% kepada RM364 bilion. Kami telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan sepanjang tahun lalu dan berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran AUM sebanyak RM400 bilion menjelang 2027."

Jumlah pemegang akaun unik ASNB kekal stabil pada 13 juta, disokong oleh pertambahan kasar sebanyak 560,000 pemegang akaun sepanjang tahun, mencerminkan kepercayaan dan kesetiaan orang ramai yang berterusan.

Menjelang 2026, PNB akan mempergiatkan usaha untuk meningkatkan simpanan rakyat Malaysia, berasaskan kepada kempen #KitaGenerasiLabur, inisiatif simpanan berkala digital Auto Labur, dan Pandu Impianmu, serta disokong oleh pemangkin baharu seperti kaedah pembayaran zakat berasaskan khultah menggunakan pendekatan Al-Mustaghallat mulai suku kedua 2026.

"#KitaGenerasiLabur adalah seruan kami kepada rakyat Malaysia merentasi semua generasi untuk mengubah pemikiran mereka dan mengambil tanggungjawab terhadap masa depan kewangan mereka dengan memulakan simpanan dan pelaburan lebih awal, melabur secara berkala, serta mengekalkan disiplin. Analitik yang dipertingkatkan membolehkan kami memahami tingkah laku pelanggan dengan lebih baik, seterusnya melaksanakan kempen yang lebih bersasar bagi menangani perubahan tingkah laku tersebut," kata beliau.

Menurut Dato' Abdul Rahman Ahmad lagi, "Melangkah hadapan, kami kekal berhati-hati terhadap prospek pelaburan bagi 2026, memandangkan pasaran modal global terus menghadapi ketidakpastian dan turun naik di tengah-tengah perubahan struktur yang mendalam dalam landskap ekonomi global, termasuk gangguan dasar perdagangan dan kebimbangan terhadap potensi kemungkinan penilaian berlebihan, terutamanya dalam pelaburan berasaskan AI."

"Di peringkat domestik, PNB akan bekerjasama rapat dengan penggubal dasar dan pemain pasaran utama untuk mempercepatkan reformasi serta

meningkatkan prestasi korporat yang diperlukan bagi mengukuhkan daya saing pasaran ekuiti domestik, memastikan ia mencerminkan asas ekonomi dan pertumbuhan Malaysia yang kukuh, dipacu oleh kerangka MADANI, sambil merangsang pelaburan domestik dan menggalak pertumbuhan inklusif,” tambah beliau.

Pengiraan pengagihan pendapatan ASB adalah berdasarkan purata baki minimum bulanan yang dipegang sepanjang tahun kewangan dana tersebut. Unit yang dilaburkan semula daripada pengagihan pendapatan akan dikreditkan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Januari 2026.

Transaksi bagi ASB di cawangan dan ejen ASNB, termasuk semua saluran dalam talian dan perbankan internet, akan digantung sementara dari 27 hingga 31 Disember 2025. Pemegang unit boleh menyambung semula transaksi melalui semua saluran dalam talian dan perbankan internet bermula 1 Januari 2026, dan di mana-mana cawangan dan ejen ASNB mulai 2 Januari 2026.

-TAMAT-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

Pengagihan Pendapatan

Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Dana Harga Tetap



ASB



Jumlah Pengagihan


5.75
sen seunit

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022, Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 dan Prospektus Tambahan Kedua ASN Sukuk bertarikh 1 September 2024 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi dana masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Pengagihan Pendapatan

Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Dana Harga Tetap

Mengatasi pulangan deposit tetap sebanyak 3.46%, prestasi terbaik dalam 3 tahun



Nota: * Kadar Purata Deposit Tetap 12-Bulan Maybank sehingga 28 November 2025

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022, Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 dan Prospektus Tambahan Kedua ASN Sukuk bertarikh 1 September 2024 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi dana masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Pengagihan Pendapatan

Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025
Dana Harga Tetap

Pulangan terus kompetitif ketika
prestasi KLCI negatif

5.75%



-1.86%

 Pengagihan pendapatan ASB
 Pulangan KLCI

Nota: Kadar Pulangan KLCI adalah berdasarkan pulangan harga bagi tempoh sehingga 12 Disember 2025

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022, Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 dan Prospektus Tambahan Kedua ASN Sukuk bertarikh 1 September 2024 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi dana masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.